



SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PROGRAM CSR ISTERI YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN YAYASAN KESEJAHTERAAN BANDAR SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2018

LABUAN, 9 FEBRUARI 2018 – YBhg. Dato' Seri Anggraini Sentiyaki, isteri YB Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyempurnakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bersama Yayasan Kesejahteraan Bandar (YKB) sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2018.

YKB telah menyampaikan sumbangan berbentuk wang tunai sebanyak RM4,000.00 kepada dua (2) buah pusat tahfiz yang terlibat iaitu Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Badr Yang Dipimpin Oleh Ustaz Haji Ahmad Sharizal Dan Pusat Bimbingan Tahfiz Quran Al-Ummi dipimpin oleh Ustaz Haji Samsuddin.

Wang sumbangan yang diberikan ini boleh digunakan bagi membuat pembaikan kecil seperti menaik taraf sistem keselamatan mahupun kebersihan bangunan di pusat tahfiz tersebut. Aspek keselamatan dan kebersihan adalah sangat penting bagi memberi keselesaan kepada semua pelajar tahfiz untuk meneruskan pembelajaran mereka serta tahap keselamatan yang sentiasa terjamin sekiranya berlaku sebarang kecemasan atau bencana.

Program aktiviti kemasyarakatan ini adalah salah satu pengisian di dalam Hari Wilayah Persekutuan yang diadakan pada setiap tahun di bawah kluster tanggung jawab sosial korporat selain program-program mesra rakyat yang lain. Pengisian program ini memberi tumpuan kepada aspek kesihatan, alam sekitar dan kebajikan memberi impak yang besar kepada golongan yang memerlukan di Wilayah Persekutuan khususnya melalui pendekatan turun padang pemimpin bersama rakyat. Ini adalah selaras dengan tema SHWP 2018 iaitu "Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera" untuk menambahkan rasa sayang dan cinta kepada Wilayah Persekutuan serta memastikan kebajikan dan kesejahteraan warganya terus terpelihara.

Disediakan oleh:
Yayasan Kesejahteraan Bandar